

KENYATAAN MEDIA
MESEJ TULAR MENGENAI PERUTUSAN
SEMPENA HARI ANTARABANGSA WARGA EMAS 2021

1. Berikutan dengan penyebaran **mesej tular** melalui aplikasi media sosial Whatsapp baru-baru ini mengenai perutusan Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sempena Hari Antarabangsa Warga Emas 2021, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memaklumkan bahawa kes berkenaan sedang **dalam siasatan Pasukan Polis Diraja Brunei**.
2. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin mengingatkan orang ramai untuk sentiasa **berhati-hati dalam mendapatkan maklumat** di luar daripada laman sesawang rasmi mahupun saluran-saluran rasmi media sosial Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
3. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memaklumkan bahawa dalam perutusan tersebut **tidak pernah** menyatakan “**Tap bagi 55 tahun ditunda menjadi 60 tahun**”.
4. Sehubungan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menasihatkan orang ramai agar **jangan sekali-kali terlibat** dalam mengeluarkan dan menyebarkan maklumat-maklumat yang **tidak sahih dan tidak berasas**. Selain itu, orang ramai juga diperingatkan agar tidak mudah percaya terhadap maklumat-maklumat yang mencurigakan dan belum dipastikan kesahihannya.
5. Dalam hubungan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin mengingatkan orang ramai, bahawa **perbuatan menyebarkan maklumat tidak sahih, apatah lagi yang palsu** dan direka oleh mereka yang semata-mata berniat untuk mengelirukan adalah menjadi kesalahan dan boleh dilaporkan di bawah perundangan Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (*Public Order Act, Cap 148*) Seksyen 34, iaitu sesiapa yang sama ada menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah, yang menyebabkan ketenteraman awam **terganggu boleh dipenjarakan tiga (3) tahun dan denda sebanyak BND3,000 atau kedua-duanya sekali**.
6. Bagi maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi terus Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui **talian 2382130** (waktu pejabat) atau e-mel info@kkbs.gov.bn dan mengunjungi laman sesawang Kementerian di www.kkbs.gov.bn.

Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
E-mel: Info@kkbs.gov.bn
Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn
Instagram: [@kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei)
Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

MEDIA STATEMENT
VIRAL MESSAGE ABOUT THE
INTERNATIONAL DAY OF OLDER PERSONS 2021 MESSAGE

1. Following the recent dissemination of viral messages through the Whatsapp social media application on the Message of Yang Berhormat Major General (R) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Minister of Culture, Youth and Sports in conjunction with the International Day of Older Persons 2021, the Ministry of Culture, Youth and Sports informs that the case is now under investigation by the Royal Brunei Police Force.
2. The Ministry of Culture, Youth and Sports would like to remind the public to always be cautious in obtaining information outside of the official website as well as the official social media channels of the Ministry of Culture, Youth and Sports.
3. The Ministry of Culture and Sports would like to inform that the Message has never **stated** “**Tap bagi 55 tahun ditunda menjadi 60 tahun**” (“**Translation: Tap for 55 years is postponed to 60 years**”).
4. In this regard, the Ministry of Culture, Youth and Sports would like to advise the public **not to be involved in producing** and disseminating unauthentic and baseless information. In addition, the public is also reminded not to easily believe information that is suspicious and has not been confirmed.
5. Ministry of Culture, Youth and Sports would like to remind the public, that the act of dissemination unauthentic information, let alone false and designed by those who solely intend to mislead is an offense and can be reported under the Public Order Act (Chapter 148) Section 34, that is, anyone who either orally or in writing or uses any means, disseminates a false report or makes a false statement, which causes a disturbance to public order be imprisoned for three (3) years and imposed a fine of BND3,000 or both.
6. For more information, the public can contact the Ministry of Culture, Youth and Sports directly at 2382130 (office hours) or email info@kkbs.gov.bn and visit the Ministry’s website at www.kkbs.gov.bn.

Prepared by:
Ministry of Culture, Youth and Sports
Negara Brunei Darussalam
Email: Info@kkbs.gov.bn
Website: www.kkbs.gov.bn
Instagram: [@kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei)
Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan